

Jangan takut jadi penderma

Derma organ harus dalam Islam - Mufti

Sinar HARIAN (15/12/2021) NIS 03




Amalan menderma organ boleh menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan.



Penderma mahu kempen diperhebat di media sosial

Oleh NUR IFITIAH ROZLAN

SHAH ALAM



NORHIDAYAH



MOHD SYAHMIL



NUR AN NISAA IRYANIE

Orang ramai perlu dididik dan diberi pendedahan secara lebih terperinci termasuk di media sosial berhubung kepentingan menderma organ di Malaysia.

Pemasar digital sebuah syarikat swasta, Norhidayah Abdullah, 25, berkata, masyarakat kebanyakannya agak takut menerima amalan itu berikutan mereka mempunyai persepsi skeptikal terhadap derma organ seperti jenazah tidak akan sempurna kerana tiada organ.

"Kita perlu menyentuh naluri kemanusiaan orang ramai dengan memberi pemahaman bahawa tindakan menderma organ boleh membantu menyelamatkan nyawa individu lain di samping mengembalikan senyuman kepada keluarga mereka.

"Mungkin kedengaran agak kelakar, tetapi jika kita memperbanyak siri perubatan di televisyen atau media sosial berkaitan pemindahan organ, ia mampu meningkatkan pemahaman orang ramai dengan lebih jelas.

"Walaupun babak pemindahan organ hanyalah lakonan semula, tapi bagi saya penyampaian dan konsep seperti itulah yang membuatkan saya terdetik untuk berikrar sebagai penderma dua tahun lalu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Penolong pegawai teknologi maklumat, Mohd Syahmil Saari, 34, pula mengakui majoriti rakyat negara ini kurang kesedaran berhubung ikrar pendermaan organ.

Beliau yang menghidap penyakit epilepsi sejak berumur 17 tahun berikrar menjadi penderma organ tahun ini dengan niat membantu dan memberi harapan kepada individu memerlukan agar dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu bergabung dengan ketua-ketua agama untuk memberi penerangan khusus berikutan ramai yang tidak berani berbuat demikian atas faktor agama.

"Selain itu, pengiktirafan juga boleh diberikan kepada drama televisyen yang menyalurkan pengetahuan berkaitan pendermaan organ bagi menggalakkan pengarah terus menghasilkan karya yang memberi impak positif terhadap perkara ini," ujarnya.

Pelajar kewartawanan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nur An Nisaa Iryanie Mohd Azhar berkata, keputusannya berikrar sebagai penderma organ ketika berumur 18 tahun didorong bapanya yang turut menjadi penderma.

"Namun, terdapat segelintir pihak yang menggunakan alasan agama untuk tidak membenarkan kita menderma organ.

"Bagi saya, ibu bapa perlu membuang sifat kolot tersebut dan tidak tergopoh-gapah menggunakan agama sebagai alasan.

"Kempen dari sudut Islam juga harus dipertingkatkan agar lebih ramai masyarakat sedar bahawa derma organ ini tidak menjadi satu kesalahan dalam agama Islam," jelas gadis berusia 21 tahun ini.

SHAH ALAM - Masyarakat Islam tidak perlu ragu-ragu untuk menderma organ kerana ia difatwakan harus dalam Islam.

Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman berkata, pemindahan dan pendermaan organ dianggap satu sedekah yang mempunyai ganjaran pahala di sisi ALLAH.

"Organ yang boleh diambil daripada penderma yang masih hidup ialah salah satu daripada dua buah pinggang dan sebahagian hati. Penderma yang sudah meninggal dunia pula boleh mendermakan semua organ dan tisu yang sesuai bagi tujuan pemindahan," katanya.

Beliau turut menjelaskan tiada masalah untuk orang Islam mendermakan organ kepada orang bukan Islam semasa hidup atau sudah meninggal dunia namun keutamaan perlu diberikan kepada keluarga sendiri terlebih dahulu.

Sementara itu, Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor berkata, pendermaan organ adalah dihalalkan dalam Islam kerana ia selaras dengan matlamat syariah iaitu memelihara nyawa manusia.



⌞ Saya sudah berikrar menderma organ sejak berumur 18 tahun tetapi saya akui masih ramai yang tidak tahu mengenai amalan derma organ di Malaysia. Ia tidak diuar-uarkan

kepada masyarakat secara meluas. Selama ini kita selalu lihat orang derma darah, bukannya derma organ. Pada pendapat saya, ramai masyarakat kita akan sedar kepentingan berbahagi kebahagiaan menerusi derma organ jika maklumat mengenainya disebarkan."

-Pelajar Pendidikan Sains Sukan, Universiti Teknologi Malaysia, Amirul Rashid Azhar, 23



⌞ Keputusan saya berikrar sebagai penderma organ pada 2019 amat mengejutkan keluarga dan rakan-rakan. Justeru saya amat

berharap KKM bertindak lebih proaktif dengan membuat lebih banyak kempen kesedaran berkaitan derma organ. Kempen ini juga perlu dianjurkan di kawasan kampung atau pedalaman yang masyarakatnya tidak arif tentang hal ini."

-Pelajar Pengurusan Teknologi Industri, Universiti Malaysia Pahang, Nur Zahira Amani Aesam, 21



⌞ Terdapat ramai individu yang memerlukan organ, tetapi tidak ramai yang berani tampil sebagai penderma.

Kempen kesedaran dalam media sosial perlu dipergiat untuk menyebarkan kebaikan menderma organ. Saya sendiri telah berikrar sebagai penderma organ pada tahun 2019."

-Pelajar Pendidikan Jasmani, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Nurmahira Auzairuddin, 21